

BAB DUA
KONSEP MIKRO KREDIT SYARIAH
DAN PEMBANGUNAN EKONOMI MASYARAKAT

2.1 Pendahuluan

Himpitan ekonomi sangat dirasakan oleh masyarakat apabila kurangnya tempat bekerja, sehingga ramai masyarakat yang menganggur. Begitu juga dengan masyarakat yang membuat kerja sendiri seperti berniaga, perusahaan rumah dan lain-lain, juga mengalami kesulitan dengan banyaknya bayaran faedah terhadap pinjaman untuk modal, hal ini akan menyebabkan pemulihan ekonomi masyarakat semakin sulit. Krisis ini bertambah buruk dengan kemiskinan di tengah-tengah segelintir orang kaya yang terus memperkaya dirinya dengan pelbagai bentuk ketidakadilan sosioekonomi.¹ Sehingga para ahli ekonomi ragu terhadap teori-teori ekonomi yang dikembangkan pada saat ini². Sebagai alasan, krisis yang terjadi pada saat ini menunjukkan bahawa sistem ekonomi dunia mempunyai masalah dan gagal dalam menciptakan kehidupan yang selesa bagi semua umat manusia.

Dalam perspektif baru, akar krisis ini patut dicari jalan keluar dan usaha untuk menyelesaikannya bukan melalui perubahan materi semata-mata, malah memerlukan sebuah perubahan total. Jangkaannya adalah tumbuhnya kesihatan sosial yang berasal dari nurani dan kesedaran manusia yang disertai semangat keadilan dan kejujuran di semua peringkat interaksi manusia. Keadaan kesihatan seperti ini tidak dapat dicapai tanpa adanya suatu yang boleh memberikan kesedaran moral individu dan masyarakat.³ Salah satu penyebab yang memberi kontribusi paling besar sehingga munculnya

¹ Mustafa Dakian (2005), *Sistem Kewangan Islam, Instrumen, Mekanisme dan Pelaksanaanya di Malaysia*, Cat I, Kuala Lumpur: Prin-Ad Sdn. Bhd. h. 25.

² Henry A. Kissinger (1983), "Saving The World Economy", *Newsweek*, 24 Januari 1983.

³ Muhammad Abdul Mannan (1986), *Islamic Economic: Theory and Practice*, c. 2 Cambridge: Islamic Academy, h. 373. Lihah Zurbir Efendi, *Ibid*, h. 312

permasalahan kerana masih menggunakan faedah bunga dalam interaksi ekonomi⁴ yang berakibat rendahnya nilai keadilan dan kesihatan sosial. Hal ini merupakan dasar ajaran sistem ekonomi kapitalis yang masih tetap diguna pakai oleh negara-negara Muslim.⁵

Pelbagai permasalahan yang di alami dalam amalan ekonomi kapitalis telah mengalami kemunduran sehingga para ilmuwan Islam mulai berfikir menerapkan ekonomi yang benar ialah dengan cara menerapkan prinsip muamalat yang di atur dengan syariat. Hinggakan muncul Ilmu Ekonomi Islam yang menyelaraskan antara kemiskinan dan kekayaan. Islam memberi amaran bahawa kekayaan itu sebagai karunia Allah, yang harus di syukur.⁶ Allah juga menyeru hambanya mahu mengorbankan hartanya di jalan Allah seperti menyalurkan zakat dan membatu kaum miskin. Islam juga mencegah umatnya mengumpulkan harta tanpa dimanfaatkan⁷ kerana pengumpulan harta tersebut akan mengakibatkan penindasan dan menyebabkan kelumpuhan ekonomi. Sistem ekonomi Islam telah menyediakan ruang yang besar untuk diamalkan dalam bentuk operasi kewangan bagi meningkatkan taraf hidup orang ramai dan juga melarang amalan riba atau bunga.⁸

Amalan mengambil faedah daripada pemulangan wang dalam Islam telah tegas dikatakan riba. Seperti yang telah di firman Allah SWT:

3 الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي
يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ ۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ
الرِّبَا ۗ وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا ۚ فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِّن رَّبِّهِ

⁴ Helmut Schnidt (1974), *The Structure of the World Product*, Foreignn Affair, April 1974, h.437.

⁵ Siti Nabihah Abdul Khalid & Che Ani Mad (2002), *Perubahan Landskap Kewangan di Malaysia*, Cet. I, Universiti Utara Malaysia..h. 5.

⁶ Yusuf Qaradawi (1981), *Economic security in Islam*, Lahore : Kazi Publications, h. 19.

⁷ *Ibid.*, h. 57..

⁸ Afzal-Ur-Rahman (1974), *Economic Doctrines Of Islam*, Vol. I, Cet. I, Lahore; Islamic Publications Limited, h. 51.

فَأَنْتَهُىٰ فَلَهُ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُ إِلَىٰ اللَّهِ وَمَنْ عَادَ فَأُولَٰئِكَ أَصْحَابُ
 النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٢٧٥﴾ يَمْحَقُ اللَّهُ الرِّبَا وَيُرْبِي
 الصَّدَقَاتِ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ كُلَّ كَفَّارٍ أَثِيمٍ ﴿٢٧٦﴾

“Orang-orang yang makan (mengambil) riba tidak dapat berdiri melainkan seperti berdirinya orang yang kemasukan syaitan lantaran (tekanan) penyakit gila. Keadaan mereka yang demikian itu, adalah disebabkan mereka berkata (berpendapat), sesungguhnya jual beli itu sama dengan riba. Orang – orang yang telah sampai kepadanya larangan dari Rabnya, lalu terus berhenti (dari mengambil riba), maka baginya apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum datang larangan); dan urusannya (terserah) kepada Allah. Orang yang mengulangi (mengambil riba), maka orang itu adalah penghuni – penghuni neraka; mereka kekal di dalamnya. Allah memusnahkan riba dan menyuburkan sedekah. Dan Allah tidak menyukai setiap orang yang tetap dalam kekafiran, dan selalu berbuat dosa “

(Surah Al- Baqarah :275 – 276).

Sejak dahulu lagi, larangan Islam terhadap faedah secara umum dipandang sebagai suatu masalah yang mustahil untuk ditegah, bahkan ramai intelektual Muslim yang pesimis. Sesuai perkembangan semasa, keadaan sekarang telah berubah secara tidak langsung dan terbuka minda untuk melihat sistem kewangan Islam yang adil. Keyakinan para intelektual terhadap faedah dan amalannya pada institusi kewangan telah ditentang secara khusus oleh para ahli ekonomi Islam. Sekarang semakin banyak bukti tentang masalah yang memperlihatkan peningkatan yang cepat dalam kualiti dan kuantiti hinggan amalannya.⁹ Perkembangan ini akan terus meluas dan menjanjikan keadilan, kesihatan moraliti dan kejujuran menuju kehidupan masyarakat yang aman dan damai. Oleh itu, institusi kewangan yang berlandaskan koperasi atau sejenisnya mempunyai nilai-nilai sosial dalam pelaksanaannya, sudah semestinya mengambil peranan dalam mengatasi permasalahan tersebut.

⁹ Mustafa Dakian (2005), *Op.cit.*, h. 33-36

2.2 Teori Mikro Kredit dan Konsep Syariah

Membincangkan teori mikro kredit dan mengaplikasikan dalam konsep syariah tidak terlepas daripada memberi maklumat tentang maksud program dan matlamat yang diinginkan. Memberikan kephahaman tersebut perlu menjelaskan definisi, matlamat dan konsep yang berhubung kait dengan pelbagai program yang bersesuaian dengan matlamatnya.

2.2.1 Teori dan Konsep Mikro Kredit

Untuk mengemukakan asas konsep mikro kredit perlu mendefinisikannya terlebih dahulu untuk memperjelas maksud dan matlamat yang ingin dicapai. Secara khusus mikro kredit menurut Summit ialah program pinjaman wang terhadap keluarga miskin untuk digunakan sebagai alat usaha yang dapat memberikan hasil dan pendapatan dalam memenuhi keperluan diri dan keluarga.¹⁰ Sumber lain mengemukakan bahawa mikro kredit ialah meliputi pinjaman, simpanan, insurans, perkhidmatan transfer dan pelbagai produk kewangan untuk masyarakat berpenghasilan rendah.¹¹ Definisi tersebut menjelaskan bahawa yang boleh mendapatkan pembiayaan ialah masyarakat miskin. Pembiayaan dilaburkan bagi peruntukan untuk membantu masyarakat yang memerlukan, yang dikategorikan sebagai orang kurang mampu dan tidak mempunyai modal.

Mengikut teori yang di kemukakan oleh Krishnamurti,¹² bahawa mikro kredit secara umum harus mempunyai tiga unsur di dalamnya. Pertama, pembiayaan mikro kredit boleh dilaburkan dalam bermacam-macam usaha. Kedua, berkhidmat kepada rakyat miskin, dimana pembiayaan mikro kredit hanya dilaburkan kepada masyarakat

¹⁰ Ascarya and Yulizar S.(2003), "Redefine Micro, small and medium Enterprises", *JEL Classification*: L11, L25, O17, h. 3

¹¹ www.yearofmicrocredit.org

¹² Krishnamurti, B. (2005), "Pengembangan Keuangan Mikro bagi Pembangunan Indonesia". *Media Informasi Bank Perkreditan Rakyat*. Edisi IV . h. 1-19.

miskin yang tidak mempunyai modal. Ketiga, menggunakan prosedur yang bersesuaian dan mudah dipahami oleh masyarakat awam.

2.2.2 Definisi Mikro Kredit Syariah

Teori di atas merupakan konsep mikro kredit secara umum. Bersesuaian dengan kajian yang sedang penulis kaji teori tersebut maka perlu dikaji dari sudut pandang syariah. Islam mempunyai aturan sendiri dalam bermuamalat termasuk dalam pelbagai penyaluran modal kepada orang yang memerlukan. Begitu juga dengan program mikro kredit yang dilaburkan kepada masyarakat harus berasaskan syariah. Di dalam Islam Mikro kredit dapat di definisikan sebagai program sosial kepada orang miskin dengan memberikan pinjaman modal usaha dan perkhidmatan lainnya selari dengan prinsip syariah. Program mikro kredit syariah tidak hanya memberi perhatian pada aspek pembiayaan modal tetapi lebih kepada pengajaran terhadap kaum yang lemah.¹³

2.2.3 Bentuk-bentuk Program Mikro Kredit

Mikro kredit mempunyai potensi untuk dikembangkan secara pantas dan berkelanjutan.¹⁴ Salah satu program utama dari mikro kredit adalah untuk mengurangi angka kemiskinan.¹⁵ Matlamat program tersebut dapat dicapai dengan pelbagai cara, seperti:

- 1) Memberikan akses kredit kepada orang miskin bagi meningkatkan keupayaan pendapatan mereka dan membawa perbaikan kondisi socio-ekonomi lebih cepat ke taraf yang lebih baik.
- 2) Menganjurkan mereka untuk bekerja di dalam suatu kumpulan untuk mencapai maksud meningkatkan kesadaran kolektif mereka, mengukuhkan perpaduan

¹³ Abdul Mughni, "Keuangan Mikro Islam Upaya Dalam Pengentasan Masalah Sosial", www.tazkia.ac.id, tarikh 09 November 2011.

¹⁴ Aminurrahman (1999), "Micro-credit Initiatives for Equitable and Sustainable Development: Who Pays?" , *Journal World Development* Vol. 27, No. 1, h. 67-82.

¹⁵ Christian Ahlin dan Neville Jiang (2007) "Can micro-credit bring development?", *Journal of Development Economics*, JEL Classification: D31; D82; O11, h. 1-21

kumpulan melalui mesyuarat dan menyokong mereka untuk mencapai kejayaan sosio-ekonomi diperingkat tertinggi.¹⁶

Bentuk dari pada program mikro kredit bukan sahaja kredit tanpa faedah, tetapi juga pakej perkhidmatan sokongan seperti peningkatan perpaduan kumpulan, kesedaran sosial, pendidikan dan juga penjagaan kesihatan.¹⁷ Beberapa studi menyebutkan bahwa program mikro kredit dapat berkesan untuk meningkatkan taraf hidup orang miskin baik dari segi ekonomi, pendidikan mahupun kesehatan.¹⁸

Di Indonesia program pembangunan ekonomi lazimnya dilaksanakan oleh pelbagai macam institusi kewangan syariah. Seperti Bank Pengkreditan Rakyat Syariah (BPRS), Koperasi syariah seperti Baitul Maal wa Tamwil (BMT) dan khasnya di Aceh ialah Baitul Qiradh. Di dalam pelaksanaan program, hampir semua institusi tersebut memiliki kesamaan dalam memberi perkhidmatan mikro kredit dan matlamatnya.

2.3 Konsep Program Pembangunan Ekonomi Masyarakat Berteraskan Islam

2.3.1 Teori Pembangunan Ekonomi Masyarakat Berteraskan Islam

Dari segi bahasa pembangunan ekonomi masyarakat terdiri dari tiga kata iaitu pembangunan, ekonomi dan masyarakat. Pembangunan menurut kamus dewan ertinya usaha atau kegiatan membangunkan yang bermaksud memajukan dan mengembangkan.¹⁹ Ekonomi ertinya ilmu yang mempelajari pengeluaran, pengagihan, penggunaan barang-barang dan perkhidmatan.²⁰ Masyarakat ertinya kumpulan manusia

¹⁶ Aminurrahman, *Op. Cit.* h. 67-82.

¹⁷ A Hadi (2002), "Integrating prevention of acute respiratory infections with micro-credit programme: experience of BRAC, Bangladesh" *Public Health*, 116, h. 238-244.

¹⁸ Yasuharu Shimamura dan Susana Lastarria Cornhiel (2010), "Credit Program Participation and Child Schooling in Rural Malawi" *World Development*, Vol. 38, No. 4, h. 567-580. Lihat juga Aminurrahman, *Op. Cit.* h. 67-82. Dan Ruhul Amin et.al. (2001) "Integration of an Essential Services Package (ESP) in Child and Reproductive Health and Family Planning with a Micro-credit Program for Poor Women: Experience from a Pilot Project in Rural Bangladesh" *World Development*, Vol. 29, No.9, h. 1611-1621.

¹⁹ Md. Nor bin Hj. Ab. Ghani dan et.al, (2010), *Kamus Dewan edisi keempat*, Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 123

²⁰ *Ibid.*, h. 379

yang hidup bersama di suatu tempat dengan aturan dan cara tertentu. Secara ringkas program pembangunan ekonomi masyarakat dapat dikaitkan dengan usaha-usaha²¹ pembangunan masyarakat secara komuniti²² untuk mencapai peningkatan ekonomi.

Dalam Islam pembangunan ekonomi menurut Abul Hasan Muhammad Sadeq suatu usaha atau proses perkembangan yang seimbang dan berterusan sama ada material mahupun bukan material yang dapat mendatangkan sebarang manfaat kepada manusia.²³ Keselarasan pembangunan ekonomi akan dapat dilaksanakan apabila perekonomian diaplikasikan secara saksama tanpa ada perbezaan sesama Muslim. Islam menganjurkan dalam pembangunan ekonomi mesti mementingkan kebajikan masyarakat (*social welfare*²⁴). Pembangunan ekonomi Islam tidak dapat dipisahkan dengan pembangunan moral, sosial, politik, dan tidak hanya membangun kemapanan material dalam memenuhi keperluan hidup semata. Membangun material sahaja akan membuat manusia tidak akan pernah puas dan sebagai akibatnya ialah akan menimbulkan kezaliman dan saling menjajah. Seperti pandangan Muhammad Abdul Mannan pembangunan ekonomi moden hanya setakat kepada penggunaan sumber-sumber alam untuk memenuhi keperluan barangan dan perkhidmatan kepada masyarakat yang berada di suatu tempat.²⁵ Konsep Islam tidak hanya mementingkan hubungan antara manusia dengan manusia (man and man) tetapi juga hubungan antara manusia dengan Tuhan (man and God).²⁶

²¹ Lihat Asnarulkhadi Abu Saman et al. (2008), "Modal Insan, Pembentukan Keupayaan Dan Pendayaupayaan Komoniti Menerusi Kerja Komuniti Dan Pembangunan Komuniti", *Jurnal Manusia dan Masyarakat : Man and Society*, Seri Baru Jilid 16. Department of Anthopology and sociology Faculty of Arts and Social Sciences University of Malaya. h. 114.

²² Md. Nor bin Hj. Ab. Ghani et al. (2010), *Kamus Dewan edisi keempat*, Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 1777.

²³ Definisi ini dikutip dari Zubir Efendi (2005), "Pembangunan Ekonomi Masyarakat Desa Menurut Perspektif Islam: Kajian Terhadap Program Pemerintah Daerah Kabupaten Siak, Propinsi Riau, Indonesia". (Desertasi, Syariah dan Ekonmi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 103.

²⁴ Zubir Efendi, *Op. Cit.*, h. 103.

²⁵ Muhammad Abdul Mannan (1986), *Op. Cit.*, h. 373. Dan Lihah Zurbir Efendi, *Ibid*, h. 103.

²⁶ Lihat Zubir Efendi, *Op. Cit.*, h. 103. Yang di kutip daripada Abdul Aziz bin Muhammad (1993), *Zakat and Rural Development in Malaysia*. Kuala Lumpur: Berita Publishing, h.17.

Dalam konteks Indonesia pembangunan ekonomi masyarakat di sebut dengan pemberdayaan atau disebut dalam bahasa Inggeris disebut dengan *empowerment* yang juga mempunyai matlamat yang sama iaitu untuk meningkatkan perekonomian masyarakat. Kajian ini memfokuskan untuk mengupayakan usaha kecil (usaha keluarga), usaha informal dan usaha tradisional, usaha ini baik yang berbentuk industri mahupun perniagaan. Pembangunan komuniti yang dilabelkan sebagai pendekatan membentuk program pembangunan ekonomi masyarakat berkembang dan berpunca daripada pendekatan bukan arahan²⁷ iaitu program yang secara spontan mendapat respons dari institusi-institusi kewangan swasta.

2.3.2 Objektif Pembangunan Ekonomi Masyarakat Berteraskan Islam

Program pembangunan ekonomi masyarakat yang merupakan program untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat yang mana masyarakat awam merupakan matlamat yang paling utama. Mohd Shaladdin bin Muda (2006) menjelaskan bahawa untuk mensejahterakan masyarakat setidaknya masyarakat harus mendapatkan peningkatan pendapatan, perbelanjaan, simpanan, pemilikan rumah, tanah, kenderaan, kemudahan, dan mendapatkan saranan. Untuk mendapatkan kemudahan ini seharusnya masyarakat awam tidak terlepas daripada mengawasi pemerintah atau institusi-institusi yang mempunyai kuasa untuk mengembangkan perekonomian masyarakat. Sebagai titik penekanannya ialah bagaimana masyarakat awam boleh merasakan bahagian daripada pemerintah atau institusi yang berkaitan yang memberi perkhidmatan prasarana, kursus, latihan, khidmat nasihat, pemasaran, penguatkuasaan, penyelidikan dan pembangunan.²⁸ Berhubung kait dengan permasalahan di atas perlu di bangun beberapa bentuk matlamat yang akan membawa masyarakat ke arah kesejahteraan dan ketenangan hidup.

²⁷ Lihat Asnarulkhadi Abu Saman *et al.*, h. 117.

²⁸ Mohd Shaladdin bin Muda *et al.* (2006), "Analisis Kesejahteraan Hidup Nelayan Pesisir," *Jurnal Kemanusiaan*, bil. 8, Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia Universiti Malaysia: Universiti Teknologi Malaysia. ISSN 1675-1930 DID 2006,

i. Peningkatan Perekonomian Umat

Kemiskinan yang berlaku di Indonesia seakan tidak boleh dibiarkan lagi, ini kerana kemiskinan berlaku di seluruh wilayah Indonesia termasuk Aceh. Ini terjadi kerana beberapa faktor iaitu hutang luar negeri yang sangat besar,²⁹ akibatnya ialah terjual aset-aset pemerintah yang menyebabkan inflasi.³⁰ Hutang luar negeri ini yang sudah berlangsung dalam tempoh yang lama boleh mengakibatkan kemiskinan yang berpanjangan. Kemiskinan dan kemakmuran tidak akan tercapai jika pendapatan dan kekayaan hanya dimiliki orang-orang tertentu.³¹ Kondisi ini mengakibatkan masyarakat mencari alternatif sendiri untuk keluar dari kemiskinan dengan pelbagai cara. Sehingga masyarakat sekarang tidak lagi bergantung pada pemerintah.

Kondisi kemiskinan di antaranya disebabkan oleh faktor ketidaksamarataan dalam menyumbangkan hasil-hasil pembangunan dan juga disebabkan oleh sikap mentaliti penduduknya yang mengalami kemiskinan secara alamiah dan kultur, ini ditunjukkan oleh situasi lingkaran ketidakberdayaan mereka yang bersumber dari rendahnya tingkat pendidikan, pendapatan, kesihatan dan gizi, produktiviti, penguasaan modal, keterampilan dan teknologi serta hambatan infrastruktur mahupun etnik sosial lainnya. Selain daripada itu, kenaikan bahan bakar minyak (BBM) dan kenaikan tarif elektrik (TDL).³²

Teori Stenberg dan Lubart (1996) salah satu pendekatan yang akan memberikan kreativiti ialah pendekatan keperibadian sosial.³³ Pendekatan ini akan memusatkan perhatian pada variasi-variasi sifat keperibadian, motivasi dan lingkungan sosiokultur

²⁹Armiadi Musa Basyah (2008), "Pentadbiran Zakat di Baitul Mal Aceh: Kajian Terhadap Agihan Zakat Bagi Permodalan Masyarakat Miskin", (Tesis, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 263. Dan Lihat Hans Dieter Seibel (2007), "Islamic Microfinance in Indonesia: The Challenge of Institutional Diversity, Regulation and Supervision" *Kertas Kerja Financing the Poor: Towards an Islamic Micro-Finance*, University of Cologne, Germany, 14 April 2007, h. 1-19.

³⁰M. Umer Chapra (1985), *Towards A Just Monetary System*. Leicester: The Islamic Foundation, h. 37

³¹Anwar Iqbal Qureshi (1979), *The Economic and Social System of Islam*. Lahore: Islamic Book Service, h. 71

³²Puji Hadiyanti (2006), "Kemiskinan & Upaya Pemberdayaan Masyarakat", Dosen Fakultas Ilmu Pendidikan Universitas Negeri Jakarta, *Komunitas Jurnal Pengembangan Masyarakat Islam*, Penyuluhan Pembangunan Institut Pertanian Bogor, Volume 2, Nomor 1, Juni 2006.

³³Benedicta Prihatin Dwi Riyanti (2003), *Kewirausahaan Dari Sudut Pandang Psikologi Kepribadian*, Cet 1, Jakarta; PT Grasindo. h. 44

sebagai sumber kreativiti. Keperluan pengetahuan untuk memahami struktur, sosial dan kultur akan memudahkan institusi seperti BQ-BIMA dalam mengembangkan usahanya membantu masyarakat. Akibat dari pengetahuan akan terciptanya rasa harmonis antara institusi dengan ahli atau ahli-ahli BQ-BIMA.

ii. Pembangunan Sumber Insan

Sumber manusia yang merupakan modal insan akan menjadi input paling penting dalam pertumbuhan perekonomian menjadi maju. Kerananya kualiti sumber manusia mestilah dipertingkatkan untuk menambah kecakapan dan produktiviti.³⁴ Pembangunan sumber insan haruslah menjadi objektif utama dalam polisi pembangunan Islam. Pembangunan ini harus mengambil kira sikap dan aspirasi yang betul, pembangunan perwatakan dan personaliti, pendidikan dan latihan yang menimbulkan pengetahuan, penyelidikan dan juga perlu sikap yang kreatif. Semua aktiviti tersebut harus diselarikan dengan nilai-nilai Islam yang menitikberatkan pada kekuatan akhlak dan kerohanian. Fokus utamanya haruslah diberikan dalam mengembangkan pendidikan, kerohanian dan kerjasama serta penyertaan.³⁵ Mengembangkan pendidikan haruslah dikuatkan dengan latihan. Latihan merupakan satu fungsi khusus di mana pekerjaan dapat memperoleh kemahiran sesuai dengan tugas tertentu.³⁶

iii. Pengeluaran Yang Berguna

Islam sebagai agama yang melarang umatnya melakukan pembaziran semestinya menyeru umatnya untuk berhati-hati dalam pengeluaran, sehinggakan pengeluaran tersebut mempunyai objektif yang penting dari sudut jenis barangan, kuantiti, kualiti dan percampuran keluaran yang betul. Demi terciptanya keadilan dan pembangunan yang seimbang Islam telah menghadkan perbelanjaan atau pengeluaran hanya pada

³⁴ Ilhaamie binti Abdul Ghani Azmi (2008), "Pembangunan Modal Insan Dalam Menjayakan Perniagaan Dari Perspektif Islam", *Jurnal Usuluddin*, Bil 28, Desember 2008, h. 128; Lihat Juga Rahmah Ismail (1996), *Modal Manusia Dan Perolehan Buruh*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 2.

³⁵ Joni Tamkim Borhan (2008), "Pemikiran Pembangunan Ekonomi Berteraskan Islam", *Jurnal Usuluddin*, Bil. 27, Jun 2008, h. 98.

³⁶ Ilhaamie binti Abdul Ghani Azmi (2008), *Op. Cit.*, h. 128. ; Lihat juga Dessler, G. (1998), *Human Resource Management*, NJ: Prentice Hall.

keperluan barangan asas (*darūriyyāt*) dengan melengkapkan keperluan pertahanan dan meningkatkan pengeluaran barangan modal utama.³⁷ Selanjutnya barangan yang diperlukan bagi kebaikan hidup seperti aksesori tambahan (*hājiah*) sebagai pelengkap keperluan asas. Juga barangan keselesaan (*tahsininyāt*) yang berkaitan dengan kebaikan kepada diri dan orang lain, tidak boleh didahulukan apabila keperluan asas belum terpenuhi.³⁸ Begitu juga dengan keperluan barangan mewah (*kamāliyyāh*) dia harus sesuai dengan keperluan. Selain daripada huraian di atas pemakaian barangan yang berlebihan dan bersifat pembaziran (*tanzir*) sifatnya di larang dalam Islam.³⁹

iv. Peningkatan Kualiti Hidup

Memperbaiki taraf kehidupan ke arah mencapai kebaikan akhlak, ekonomi dan sosial. Usaha-usaha untuk mencapai objektif ini, keutamaan yang tinggi harus diberikan sekurang-kurangnya kepada perkara berikut,⁴⁰ iaitu;

- 1) Mengadakan peluang pekerjaan dan semua penyelarasan dari segi struktur, teknologi, pelaburan, kedaerahan dan pendidikan yang timbul daripadanya.
- 2) Mengadakan suatu sistem jaminan sosial yang berkesan yang menjamin keperluan hidup yang asas bagi semua orang yang tidak berupaya melibatkan diri dalam pekerjaan atau usaha-usaha mencari nafkah hidup, dan mereka yang layak mendapat bantuan dan pertolongan masyarakat melalui institusi zakat, hibah, hadiah, sedekah dan sebagainya.
- 3) Melaksanakan sistem agihan pendapatan dan kekayaan yang saksama dan adil. Harulah ada dasar yang kukuh untuk mengurangkan jurang perbezaan kekayaan antara golongan yang dengan golongan yang miskin, dasar yang terus untuk meningkatkan pendapatan golongan yang miskin, yang akan mengurangkan

³⁷ Joni Tamkim Borhan (2008), *Op. Cit.*, h. 99.

³⁸ Ahmad Amri (2009), *Rahasia Personaliti Unggul, Ledakkan Kehebatan Personaliti Diri Bagi Mencapai Kecemerlangan Luar Biasa*, Cet. I, Selangor Darul Ehsan; PTS Millennia SDN. BHD., h. 87-88.

³⁹ Muhammad Anas al-Zarqa (1992), "A Partial Relationship In A Muslim's Utility Function", dalam Sayid Tahir et al. (eds), *Readings in Microeconomics An Islamic Perspective*, Selangor Darul Ehsan; Longman Malaysia SDN. BHD., h. 107-110.

⁴⁰ *Ibid.*, h. 99.

nisbah penumpuan kekayaan kepada segolongan tertentu sahaja. Dalam kerangka ekonomi Islam dasar ini berlaku sebelum proses pengeluaran melalui pemilikan ke atas harta-harta yang tidak bertuan dan penerokaan tanah yang kosong.⁴¹ Juga boleh menggunakan daripada simpanan-simpanan orang yang mempunyai kelebihan wang pada institusi-institusi kewangan yang merupakan sumber modal untuk dijadikan usaha.

v. Pembangunan Seimbang

Pembangunan yang seimbang ialah suatu usaha bagi melaksanakan proses pengagihan semula pendapatan dan harta kekayaan secara adil, jujur dan selaras dengan matlamat asas pembangunan ekonomi iaitu untuk mewujudkan kemakmuran secara komprehensif. Setiap individu dikehendaki dapat menikmati taraf hidup yang selaras dengan peranannya sebagai khalifah Allah di muka bumi.⁴² Tanggung jawab manusia sebagai khalifah Allah di muka bumi ialah membina ikatan persaudaraan dan saling menjaga martabat antara sesama umat Islam.

Islam sangat menyedari bahawa hidup di dunia sebagai ujian daripada Allah SWT. Sebagai salah satu bentuk ujian Allah ialah adanya golongan miskin dan kaya dalam Islam.⁴³ Sebagai bentuk keseimbangannya ialah adanya saling tolong-menolong antara yang miskin dengan yang kaya, sehingga terbangun kerjasama dalam sebuah komuniti atau jemaah yang kuat dan mempunyai matlamat yang sama ialah mengabdikan kepada Allah SWT. Selain dari pada itu pembangunan yang seimbang juga perlu di ambil kira dari segi wilayah. Pembangunan yang tepat ialah perlunya pembangunan

⁴¹ Joni Tamkim Borhan (2008), *Op. Cit.*, h. 100.

⁴² Lihat Zubir Efendi (2005), *Op. Cit.*, h. 115; Lihat juga Aidit Ghazali (1990), *Development An Islamic Perspective*. Selangor: Pelanduk Publication (M) Sdn Bhd, h. 71.

⁴³ Lihat Zubir Efendi (2005), *Op. Cit.*, h. 116.

yang berkeadilan dan berkemajuan yang maksimum bagi semua wilayah yang bersesuaian antara pendapatan dan keinginannya.⁴⁴

vi. Jaminan Sosial Masyarakat

Sistem jaminan sosial yang digalakkan oleh Islam adalah suatu upaya bagi menciptakan keseimbangan pembangunan ekonomi. Jaminan ini lebih diutamakan terhadap orang yang tidak mampu bekerja seperti golongan masyarakat istimewa yang semata-mata mengharapkan pemberian orang ramai.⁴⁵ Dalam mengatasi masalah ini perlu adanya institusi yang menjalankan tugasnya sebagai pelindung dan pengendali seperti adanya Baitul Mal atau institusi pemerintah lainnya dan swasta.

vii. Kerjasama dalam Ekonomi

Kerjasama dan persefahaman sangat perlu dilakukan dalam komuniti Muslim, kerjasama ini untuk membangunkan semangat dalam beribadah dan bermuamalat. Ibn Qayyim menekankan konsep kerjasama dalam ekonomi dan tanggungjawab sosial. Menurutnya meskipun manusia itu ramai bilangannya dan dibahagikan kepada unit-unit yang berbeza, mereka dianggap seperti satu jasad yang bekerjasama antara satu sama lain.⁴⁶

Setelah membuat pendekatan BQ-BIMA akan lebih mengetahui keadaan yang sebenar masyarakat tempatan dalam mewujudkan perusahaan sebagai lapangan kerja mereka. Keperluan bermula daripada hal-hal yang harus dipenuhi oleh syarikat sama ada perseorangan mulai dari pendirian sampai kepada beroperasi. Keperluan usaha yang diperlukan terdiri dari beragam jenis bergantung pada bidang usaha masing-masing yang ingin dikembangkan. Secara garis besar jenis-jenis komponen keperluan usaha

⁴⁴ Joni Tamkim Borhan (2008), *Op. Cit.*, h. 100.; Lihat juga Surtahman Kastim Hassan (1995), *Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 188-189.

⁴⁵ Muhammad Nejatullah Siddiqi (1972), *Economic Enterprise In Islam*, Delhi; Markazi Maktaba Islami, h. 27.

⁴⁶ Lihat Joni Tamkim Borhan (2007), "Pemikiran Ekonomi Ibn Qayyim Al-Jawziyyah", *Jurnal Usuluddin*, Bil. 25, Jun 2007, h. 95.; yang di kutip daripada Ibn Qayyim (1996), *l'lam al-Muwaqqi 'in 'an Rabb al-'Alamin*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Vol. 1., Jil. 3, h. 268.

meliputi pra-pelaburan usaha, pembiayaan pembelian aktiviti tetap atau benda keperluan yang wujud dan pembiayaan operasi.

Melakukan kerja dalam bentuk jenis mahupun jumlah keperluan harus disesuaikan sehingga memperoleh penilaian secara benar. Matlamat ini penting bagi menghindari terjadi kekurangan atau kelebihan pada saat usaha hendak dijalankan. Kekurangan akan menyebabkan ada yang membazir dan tidak bermanfaat sehingga pengeluaran pembiayaan menjadi berlebihan.⁴⁷ Jumlah keperluan perusahaan juga harus disesuaikan dengan objektif perusahaan tersebut. Selain itu BQ-BIMA Banda Aceh juga perlu menganjurkan kursus-kursus kemahiran kepada ahli dan orang ramai dengan bekerjasama dengan institusi-institusi kerajaan atau NGO seterusnya BQ-BIMA Banda Aceh membantu mereka dalam bentuk modal.⁴⁸

viii. Memupuk Sifat Menabung dan Jimat

Tujuannya juga menggalakkan ahli-ahlinya supaya pandai berdikari dan tolong-menolong antara satu sama lain. Ahli-ahli dilatih agar berpegang teguh pada ajaran Islam dan juga membentuk nilai-nilai mulia seperti sifat berjimat cermat dan sebagainya, supaya ahli-ahli itu sendiri dan juga masyarakat amnya dapat hidup dengan aman damai.⁴⁹

Usaha untuk menjimatkan ialah usaha bagaimana anggota dapat menabung pada BQ-BIMA Banda Aceh. Dalam hal ini Baitul Qiradh Bina Insan Mandiri Banda Aceh mewajibkan para anggota untuk menabung dengan cara menyediakan bentuk skim tabungan untuk menyimpan dan menabung. Program pembangunan ekonomi masyarakat ini banyak memberi dampak positif terhadap masyarakat bermotivasi untuk menabung dari hasil usahanya.

⁴⁷ Kasmir (2007), *Kewirausahaan*, Cet.I, Jakarta; PT Raja Grafindo Persada. h. 75

⁴⁸ Profil Lembaga, Koperasi Syariah Baitul Qiradh Bina Insan Mandiri, Desa/Kel: Kampung Baru, Kec: Baiturrahman, Kota/Kab.: Banda Aceh. 2006.

⁴⁹ Shukri Samae (2006), "Koperasi Ibn Affan Pattani: Sejarah dan Perannya Terhadap Pembangunan Masyarakat Islam Selatan Thailand", (Disertasi, Jabatan Sejarah dan Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 117.

2.4 Kesimpulan

Mikro kredit merupakan program pinjaman wang terhadap keluarga miskin untuk digunakan sebagai alat usaha yang dapat memberikan hasil dan pendapatan dalam memenuhi keperluan diri dan keluarga. Pembiayaan mikro kredit boleh dilaburkan dalam pelbagai macam usaha masyarakat miskin dengan menggunakan prosedur yang bersesuaian dan mudah dipahami oleh masyarakat awam. Islam mempunyai aturan sendiri dalam penyaluran mikro kredit, penyaluran mikro kredit dalam pandangan Islam harus mengandungi unsur sosial yang berkhidmat kepada masyarakat miskin. Perkhidmatan tersebut berupa pembiayaan modal usaha dengan sistem syariah. Matlamat yang ingin di capai dari pada program mikro kredit bukan sahaja kredit tanpa faedah, tetapi juga pakej perkhidmatan sokongan seperti peningkatan perpaduan kumpulan, kesedaran sosial, pendidikan dan juga penjagaan kesihatan.

Pembiayaan mikro merupakan salah satu daripada peran aktif institusi kewangan mikro sebagai bentuk dari pembangunan ekonomi masyarakat. Pembangunan ekonomi masyarakat dalam Islam merupakan perencanaan masyarakat yang membawa kepada kesejahteraan dan ketenangan hidup. Kesejahteraan dan ketenangan dapat dicapai dengan meningkatkan perekonomian ummat, membangun sumber insan, mengatur pengeluaran yang berguna, meningkatkan kualiti hidup, mencapai pembangunan seimbang, adanya jaminan sosial, terciptanya kerjasama dalam ekonomi dan berjimat.